ULANG TAHUN SENI SILAT CEKAK

# Pesta Silat Malaysia jadi acara kemuncak

31 JAN 1987

PESTA Silat Malaysia yang dijadualkan berlangsung di Stadium Negara pada Julai ini akan dijadikan sebagai acara kemuncak sempena perayaan ulang tahun ke-21 Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia (PSSCM), *lapor RAZALI YAHYA.*

Setiausaha agung badan itu, Amruddin Buang berkata: "Untuk memastikan acara kemuncak itu menjadi lebih meriah, kami telah memutuskan mengundang semua persatuan-persatuan silat mengambil bahagian".

B. Harian (M)

Beliau berkata, pesta ini bukan sahaja mempamerkan silat-silat Melayu yang asli dan bermutu tinggi tetapi bertujuan mengembalikan semula imej silat yang menurun sejak kebelakangan ini.

PENCAK / SILAT

"Untuk menjayakannya secara besar-besaran, kami kini sedang menunggu pengesahan daripada kementerian. Sekiranya berjalan lancar, hasrat menaikkan imej seni silat pasti terlaksana," jelasnya.

Katanya, sejajar dengan tema perayaan ke-21 iaitu 'Cintailah Seni Silat Warisan Bangsa' yang akan dilancarkan secara besar-besaran bermula Khamis ini PSSCM mengatur 16 acara lain bermula hujung Januari dan akan berakhir pada September ini.

PSSCM memutuskan acara-acara yang diatur itu akan berlangsung di beberapa negeri yang dipilih.

"Ini dilakukan untuk menimbulkan kesedaran di kalangan anak-anak muda supaya kembali memberikan perhatian ke arah menyelamat warisan bangsa yang akhir-akhir ini sudah mula dilupakan.

"Seni silat ini bukan sahaja bertujuan mempertahankan diri tetapi turut membentuk ahli-ahlinya terutama di kalangan anak-anak muda berperibadi tinggi di samping mengelak mereka daripada membabitkan diri daripada gejala negatif," tegas beliau.

Acara-acara yang akan diadakan secara besar-besaran itu bermula dengan pertunjukan Silat Cekak di Kuala Lumpur Khamis lalu, Alor Star (7 Feb), Pulau Pinang (8 Mac), Johor Bahru (4 April), jogaton di Kuala Lumpur (19 April), pertunjukan silat di Ipoh (7 Jun).

Pesta Silat Malaysia di Stadium Negara (4 Julai), pertunjukan silat di Kuantan (17 Julai), Shah Alam (16 Ogos) dan Klang pada 23 Ogos).

Manakala berlangsung di Kuala Lumpur; pesta keluarga (31 Ogos), pesta sukan (5 Sept), majlis penyampaian sijil (5 Sept), majlis penutup (6 Sept), demonstrasi silat di Stadium Raja Muda (6 Sept) dan Forum Cekak pada 7 September.